Transparent medical billing plan needs more time

"What matters is implementing a good initiative effectively."

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

KUALA LUMPUR: The delay in implementing the long-anticipated Diagnosis-Related Group (DRG) payment system for private healthcare services is due to the need for stronger institutional capacity and comprehensive data collection, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the government must ensure all key components are in place before rolling out the system, which aims to standardise billing practices and improve transparency across the healthcare sector.

"There's no need for assumptions or negative perceptions. What matters is implementing a good initiative effectively, one that requires careful preparation and sound execution so it achieves its intended purpose.

"We need capacity-building and adequate data sharing from private medical practitioners. It's not about pressure from anyone," he told the Dewan Rakyat yesterday.

Dzulkefly was responding to a supplementary question from Tan Kok Wai (PH–Cheras), who asked whether the delay of the DRG was due to lobbying by private hospital groups concerned about its impact on profit margins.

Initially scheduled for phased implementation beginning in late 2025, the Health Ministry announced in August that the DRG system is now expected to be formally launched in 2027.

The DRG framework will provide a standardised and transparent mechanism for healthcare payments, in which billing is based on defined categories such as diagnosis, procedure and complications rather than itemised charges to prevent overcharging.

In response to Tan's initial query on the main challenges in implementation, Dzulkefly cited tight timelines, rising public demand for affordable healthcare and medical cost inflation as pressure points.

"We need comprehensive data because patient care standardisation relies on actual treatment data from private practitioners.

"Data sharing is essential in determining treatment rates, not just averages, but also consistency," he added.

He said this information would be critical to building the national framework tailored to Malaysia's healthcare landscape – to be known as the Malaysian DRG System.

Dzulkefly also emphasised the need for skilled personnel and proper medical coding, adding that implementation success depends on a trained workforce with the capacity to manage and execute the system effectively.

The Star 14/10/2025 MS/4

NST 14/10/2025 MS/5

CANCER PREVALENCE

79,384 new cases detected in 2022-2023

MALAYSIA recorded 79,384 new cancer cases in 2022 and 2023, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The figure, he said, was based on data from the National Cancer Registry.

"Malaysia recorded 40,570 new cancer cases in 2022, followed by 38,814 new cases in 2023.

"The 10 most common cancer cases reported during this period were breast, colorectal, lung, lymphoma, liver, prostate, leukemia, corpus uteri, thyroid and ovarian," he said in response to Datuk Seri Ismail Abd Muttalib (PN-Maran).

Ismail had asked about the ministry's measures to reduce cancer cases and number of patients by type of cancer.

Among women, Dzulkefly said breast, colorectal, lung, corpus uteri and ovarian remained the leading types of cancer.

In men, colorectal, lung, prostate, liver and lymphoma topped the list.

Dzulkefly said the ministry had outlined a plan to prevent and control cancer through strategic initiatives.

These include the National Strategic Plan for Cancer Control Programme 2021–2025, the National Strategic Plan for Colorectal Cancer Control 2021–2025, the Action Plan for the Elimination of Cervical Cancer 2021–2030, and the National Guidelines for Early Detection of Breast Cancer at Primary Health Facilities 2024.

Tunda DRG bukan kerana desakan hospital swasta

Sistem bayaran rawatan patut dilaksana hujung tahun perlu masa buat persiapan rapi


Dr Dzulkefly pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto SERNAMA)

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak tunduk kepada pengendali hospital swasta sehingga menyebabkan sistem pembayaran rawatan kesihatan berdasarkan Kumpulan Berkaitan Diagnosis (DRG) bagi sektor kesihatan yang dijangka dilaksanakan hujung tahun ini ditangguhkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelaksanaan itu memerlukan persiapan rapi oleh kerajaan, termasuk dari segi pembinaan kapasiti dan data yang mencukupi sebelum dilaksanakan.

Katanya, andaian kononnya sistem DRG yang pada asalnya dijadual dilaksanakan sebelum akhir tahun ini, ditangguhkan kerana tekanan daripada pengendali hospital swasta tidak benar.

Katanya, Kementerian Kesihatan memerlukan lebih masa untuk memastikan aspek yang perlu tersedia supaya DRG dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Saya ingat tidak perlu kita terlalu membuat andaian atau buruk sangka. Apa yang penting adalah melaksanakan satu inisiatif yang baik dan memerlukan persiapan rapi serta pelaksanaan berkesan, dengan sistem yang akan dapat memberikan hasil dan tujuan mengapa ia dilaksanakan.

"Itulah sebabnya kita perlukan pembinaan kapasiti, data cukup yang kita kongsi daripada pengamal perubatan swasta. Ia bukan disebabkan tekanan sesiapa (sehingga ditangguhkan), bukan itu sebabnya.

"Sebabnya apabila mahu melaksanakan inisiatif penting seumpama ini, kita mesti laksanakan dengan persiapan rapi, cermat dan menguruskan apa pun kesan tidak baik supaya dapat menghasilkan sesuatu berdasarkan nilai kepada sistem penjagaan kesihatan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam menjawab soalan tambahan Tan Kok Wai (PH-Cheras).

Dirangka lima tahun

Ogos lalu, KKM memaklumkan sistem pembayaran rawatan kesihatan berdasarkan DRG yang dirangka selama lima tahun, dijangka dilancarkan secara rasmi pada 2027.

DRG akan mewujudkan kerangka imbuhan lebih standard, adil dan telus dalam ekosistem penjagaan kesihatan negara dalam memastikan tiada caj berlebihan dikenakan kerana pembayaran dibuat berdasarkan kumpulan yang ditakrifkan dengan jelas seperti diagnosis, prosedur dan komplikasi.

Menjawab soalan asal Kok Wai mengenai pertimbangan dan cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan DRG, Dr Dzulkefly menjelaskan, cabaran yang sedang ditangani KKM, antara lain adalah garis masa yang singkat, ketika rakyat mahu isu inflasi dan kos rawatan dalam perkhidmatan kesihatan serta perubatan segera ditangani.

"Kita memerlukan data kerana penyeragaman rawatan pesakit adalah berdasarkan data rawatan sebenar daripada pengamal perubatan swasta.

"Justeru, perkongsian data sebenar rawatan amat penting dalam menentukan kadar rawatan atau pembayaran, bukan saja purata tetapi juga ada keseragaman.

"Penyeragaman ini juga akan digabungkan kepada DRG kebangsaan yang disesuaikan dengan konteks tempatan dan akhirnya kita akan ada sistem DRG Malaysia.

Menjawab soalan Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran), Dr Dzulkefly berkata, pesakit kanser kebiasaannya membuat saringan lewat sehingga mereka mengetahui sudah berada pada tahap tiga dan empat.

"Andainya saringan ini berjalan lancar, insya-Allah kita dapat mengesan lebih awal," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, berdasarkan Pendaftaran Kanser Kebangsaan, sebanyak 40,570 kes kanser baharu dilaporkan pada tahun 2022.

Bagaimanapun, katanya, angka itu mengalami sedikit penurunan pada 2023 dengan 38,814 kes dilaporkan.

Katanya, 10 kanser utama yang dilaporkan di negara ini bagi tempoh 2022-2023 adalah kanser payudara (13,088), kanser kolorektal (11,629), kanser paru-paru (8,091), kanser limfoma (3,905), kanser hati (3,590), kanser prostat (3,475), kanser leukemia (2,849), kanser korpus uteri (2,742), kanser tiroid (2,220) dan kanser ovari (2,146).

Pembangkang dakwa ada maklumat kes murid mati di Senawang

Seorang Ahli Parlimen pembangkang mendakwa mempunyai maklumat berhubung kematian murid lelaki Tahun Empat yang ditemui tidak sedarkan diri di sebuah sekolah di Senawang.

Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) mendakwa beliau memperoleh maklumat itu tetapi tidak mendedahkan sumber berkenaan.

Ketika mencelah perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2026 oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin di Dewan Rakyat semalam, beliau mendakwa murid berkenaan ditemui mati dalam keadaan tergantung dengan skaf pengakap digunakan sebagai 'tali gantung'.

Dengan pendedahan itu, beliau memikul tanggungjawab sepenuhnya dan akan memberi kerjasama sekiranya dipanggil pihak polis.

"Satu kejadian kematian pelajar berusia 10 tahun, pelajar Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Negeri Sembilan. Saya dapat maklumat, pihak polis mendapati murid ini meninggal dunia di klinik setelah dibawa.

"Siasatan dibuat di bawah Seksyen 503c iaitu kes bull. Saya mahu siasatan dibuat (berdasarkan) maklumat saya dapati pelajar ini ditemui mati atau ditemui dalam keadaan tergantung dengan skaf pengakap digunakan sebagai tali gantung.

"Skaf itu tergantung di penyangkut baju tandas tersebut. Guru menurunkan murid tersebut. CPR (prosedur resusitasi kardio-pulmonari) dimulakan tak berhasil. Guru bawa murid ini ke klinik disahkan meninggal dunia di klinik itu," dakwanya.

BARAH: RAMAI LEWAT BUAT SARINGAN

Sudah sakit tahap 4

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Rakyat semalam dimaklumkan kelewatan membuat saringan menyebabkan pesakit hanya mengetahui mereka menghidap kanser ketika sudah berada pada tahap ketiga dan keempat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, keadaan itu kemudiannya mendorong kepada kesukaran untuk pesakit menguruskan penyakit dialami.

"Andainya saringan ini berjalan lancar, insya-Allah kita akan dapat mengesan lebih awal," katanya sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran)** mengenai langkah kementerian bagi mengurangkan pertambahan pesakit kanser dan jumlah penghidapnya di negara ini.

MENTERI Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad ketika sesi pertanyaan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga di Bangunan Parlimen semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, berdasarkan Pendaftaran Kanser Kebangsaan, sebanyak 40,570 kes kanser baharu dilaporkan tahun 2022.

Bagaimanapun, katanya, angka itu mengalami sedikit penurunan pada tahun 2023 dengan 38,814 kes dilaporkan.

Menurutnya, 10 kanser utama yang dilaporkan di negara ini bagi tempoh 2022-2023 adalah kanser payudara (13,088), kanser kolorektal (11,629), kanser paru-paru (8,091), kanser limfoma (3,905), kanser hati (3,590), kanser prostat (3,475), kanser leukemia (2,849), kanser korpus uteri (2,742), kanser tiroid (2,220) dan kanser ovari (2,146).

"Kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser korpus uteri dan kanser ovari merupakan lima kanser utama dalam kalangan wanita, manakala lima kanser utama dalam kalangan lelaki adalah kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser prostat, kanser hati dan kanser limfoma," katanya.

Beliau berkata, antara langkah utama diambil Kementerian Kesihatan adalah pencegahan primer melalui aktiviti promosi amalan gaya hidup sihat merangkumi pemakanan sihat, aktif secara fizikal, tidak merokok dan tidak mengambil alkohol.

"Program Imunisasi HPV yang telah bermula pada tahun 2010 sebagai langkah pencegahan kanser servik.

"Pencegahan sekunder meliputi aktiviti saringan bagi tujuan pengesanan awal kanser," katanya.

Jabatan kecemasan penuh pesakit influenza, pegawai farmasi kongsi hospital tambah stok Tamiflu

SHAH ALAM - Jabatan Kecemasan (ED) di hospital awam dilaporkan sesak dengan pesakit, terutamanya kanak-kanak yang mengalami simptom influenza sejak beberapa hari lalu.

Seorang pegawai farmasi di sebuah hospital awam, Fatin Nasuha Aziz berkata, lonjakan kes yang mendadak memaksa pihak farmasi hospital menambah stok ubat antivirus Tamiflu secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan.

Menurutnya, peningkatan kes berlaku secara tiba-tiba melibatkan ramai ibu bapa yang membawa anak-anak mereka untuk mendapatkan rawatan segera.

"Hari ini kami tambah Tamiflu banyak sangat. Semua pesakit datang bawa anak ke ED. Hampir semua kena influenza," katanya menerusi video di TikTok pada Khamis.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), influenza atau selesema bermusim bukanlah penyakit ringan, sebaliknya boleh menyebabkan komplikasi serius seperti radang paru-paru, sawan dan dalam kes tertentu, kematian terutamanya dalam kalangan kanak-kanak kecil, warga emas dan individu yang mempunyai sistem imun lemah.


FATIN NASUHA

Influenza menular dengan cepat melalui titisan pernafasan apabila seseorang yang dijangkiti bersin atau batuk. Ini menjadikan tempat-tempat awam seperti sekolah, pusat beli-belah dan pengangkutan awam sebagai kawasan berisiko tinggi.

Tambah Fatin Nasuha, langkah pencegahan masih menjadi kaedah terbaik untuk membendung penularan.

Antara saranan yang dikemukakannya termasuk memakai pelitup muka di tempat awam, kerap mencuci tangan dengan sabun atau bahan pembasmi kuman, menjaga penjarakan fizikal serta menutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin menggunakan tisu atau sapu tangan.

"Vaksinasi influenza juga digalakkan, terutamanya menjelang musim penularan. Vaksin influenza perlu diambil setiap tahun kerana virus ini mengalami perubahan genetik secara beransur-ansur, menjadikan vaksin tahun sebelumnya kurang berkesan terhadap varian baharu.

"Vaksin mengambil masa kira-kira dua minggu untuk membina imuniti dalam tubuh selepas suntikan. Ia membantu sistem imun menghasilkan antibodi khusus yang mampu mengenal pasti dan menyerang virus influenza jika tubuh terdedah kepada jangkitan.

"Meskipun vaksin influenza tidak menjamin perlindungan sepenuhnya, ia mampu mengurangkan risiko jangkitan teruk, mengelakkan kemasukan ke hospital dan paling penting, mengurangkan kadar kematian akibat komplikasi selesema," katanya.

Upamanya lagi, orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan vaksin influenza setiap tahun sebagai perlindungan berterusan selain mengambil langkah pencegahan asas dalam kehidupan seharian.

"Lindungi yang tersayang. Jangan tunggu sehingga anak dimasukkan ke ED baru mahu bertindak," tegasnya sambil menyeru masyarakat agar tidak mengambil mudah terhadap penyakit ini.

KPM edar garis panduan, elak aktiviti interaksi ramai murid

6,000 murid di seluruh negara dijangkiti influenza - KPM

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengesahkan 6,000 murid di seluruh negara dijangkiti wabak influenza setakat ini.

Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad, beberapa sekolah telah diarahkan tutup sementara atas nasihat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) antaranya sebuah sekolah di Johor.

"Setakat hujung minggu lalu, lebih kurang 6,000 murid dilaporkan dijangkiti influenza namun ia tidak berlaku di satu kawasan sahaja, sebaliknya melibatkan sekolah-sekolah berbeza di beberapa negeri," katanya pada sidang media di sini pada Isnin.

Menurutnya, kementerian telah mengedarkan garis panduan pengurusan penyakit berjangkit kepada semua sekolah, institusi pendidikan guru (IPG), kolej matrikulasi dan institusi vokasional bagi memastikan semua warga sekolah mengambil langkah pencegahan segera.

"Kita sudah berikan panduan kepada sekolah agar menggalakkan pemakaian pelitup muka dan mengurangkan aktiviti berkumpulan buat sementara waktu.

"Sekolah juga diminta merujuk kepada pejabat kesihatan daerah (PKD) masing-masing jika berlaku peningkatan kes," katanya.

Beliau menegaskan bahawa nasihat dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus menjadi panduan utama dalam menentukan tindakan lanjut termasuk penutupan sekolah sekiranya perlu.

"Kalau KKM atau Pejabat Kesihatan Negeri arahkan sekolah ditutup, kita akan akur serta-merta," ujarnya.

Menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Mohd Azam memberi jaminan bahawa KPM telah bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan wabak itu yang akan menjejaskan pelaksanaan peperiksaan yang akan bermula pada 3 November ini.

"Saya telah arahkan pegawai di Lembaga Peperiksaan supaya bersedia dengan cabaran ini.

"Kita sudah ada pengalaman mengendalikan peperiksaan semasa pandemik Covid-19, jadi kita tahu bagaimana menyesuaikan pelaksanaan peperiksaan jika keadaan memerlukan," katanya.


KPM mempunyai SOP khas untuk menguruskan calon yang sakit termasuk membenarkan mereka menduduki peperiksaan di hospital atau lokasi alternatif dengan pemantauan rasmi.

Beliau menjelaskan bahawa KPM mempunyai SOP khas untuk menguruskan calon yang sakit, termasuk membenarkan mereka menduduki peperiksaan di hospital atau lokasi alternatif dengan pemantauan rasmi.

Dalam masa sama, KPM menasihatkan semua sekolah supaya lebih peka terhadap simptom influenza dalam kalangan murid dan guru serta mengambil tindakan segera sekiranya terdapat tanda-tanda penularan.

"Sekiranya ada murid bergejala, pihak sekolah boleh benarkan mereka berehat atau mendapatkan rawatan.

"Tidak semua kes perlu bawa kepada penutupan sekolah ada yang cukup dengan cuti sakit individu," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa kementerian tidak akan berkompromi terhadap aspek keselamatan murid dan menganggap isu kesihatan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memastikan sekolah kekal sebagai persekitaran selamat dan kondusif.

"Keselamatan dan kesejahteraan murid adalah keutamaan kita. Kami akan terus pantau situasi ini bersama pihak kesihatan," katanya.

Laksana sistem pencegahan ketat elak sekolah jadi sarang influenza

• Berkaitan kluster sekolah, semua sekolah seharusnya menyediakan pelan kecemasan kesihatan termasuk penetapan prosedur pemantauan simptom, penyediaan bilik pengasingan serta sistem pelaporan kepada Pejabat Kesihatan Daerah

• Sekiranya langkah pencegahan tidak dilaksanakan dengan konsisten, negara mungkin berdepan dengan gelombang jangkitan berterusan memberi kesan kepada sektor pendidikan, kesihatan dan ekonomi keluarga

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
hbrencana@bh.com.my

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia

Beberapa minggu kebelakangan ini menyaksikan berlaku peningkatan ketara kes jangkitan influenza khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan pelajar.

Influenza atau selesema bermusim adalah penyakit pernafasan disebabkan virus influenza A dan B. Gejala biasa jangkitan ini termasuk demam, batuk, sakit tekak, sakit badan dan kelelihan.

Penyakit ini mudah merebak melalui titisan udara apabila seseorang batuk atau bersin dan sering berlaku secara bermusim.

Walaupun kebanyakan kes adalah ringan dan boleh sembuh tanpa rawatan khusus, influenza boleh membawa komplikasi serius terutama bagi golongan berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita mengandung dan mereka dengan penyakit kronik seperti asma atau diabetes.

Menurut laporan Kementerian Kesihatan (KKM), sebanyak 97 kluster influenza dikesan pasti dalam Minggu Epidemiologi Ke-40 (ME40) meliputi tempoh akhir September hingga awal Oktober 2025. Ini lonjakan mendadak berbanding hanya 44 kluster dilaporkan pada minggu sebelumnya.

Sebahagian besar kluster ini membabitkan institusi pendidikan seperti sekolah menengah (33 kluster), sekolah rendah (26 kluster), tadika (15 kluster) dan sekolah swasta (3 kluster).

Terbaharu, 34 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) ditutup dan diarahkan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) kepada pelajar bagi mengekang penularan influenza.

Negeri mencatatkan kadar kesakitan penyakit seperti influenza (ILI) tertinggi adalah Selangor (14.6 peratus), Melaka (13.49 peratus), Pulau Pinang (12.46 peratus), Kuala Lumpur dan Putrajaya (11.02 peratus) serta Sabah (8.71 peratus).

Punca peningkatan kes influenza dalam tempoh ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor seperti tempoh peralihan cuaca daripada musim panas ke musim hujan menyumbang kepada keadaan persekitaran lebih lembap dan sejuk seterusnya memudahkan virus merebak.

Pembukaan semula sesi persekolahan selepas cuti panjang juga menyaksikan peningkatan aktiviti sosial dalam kalangan pelajar dan guru. Banyak institusi pendidikan belum melaksanakan saringan suhu atau pemeriksaan gejala secara konsisten.

Sekolah dan tadika adalah lokasi sesuai untuk penyebaran virus kerana kepadatan populasi, interaksi rapat, penggunaan bilik darjah bersama dan kemudahan tertutup.

Kluster dikesan membuktikan sekolah menjadi 'medium' utama jangkitan komuniti ke dalam kalangan pelajar dan staf. Salah satu contoh penularan dapat perhatian ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Permas Jaya 2, Masai, Johor.

Sekolah diarahkan tutup selama 10 hari bermula 8 Oktober selepas beberapa pelajar, seorang guru dan seorang pembantu pengurusan pelajar disahkan positif Influenza A, manakala lebih ti lagi menunjukkan simptom.

Sebuah sekolah berasrama penuh di Kota Bharu, Kelantan misalnya terdapat lima kluster jangkitan dikesan dalam seminggu membabitkan lebih 100 pelajar, mendorong pihak sekolah menubuhkan bilik isolasi sementara, melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) ketat serta menangguhkan aktiviti ko kurikulum selama dua minggu.

Satu lagi faktor penting ialah rahap liputan vaksinasi influenza yang masih rendah dalam kalangan penduduk. Vaksin influenza tidak terpolong dalam Program Imunisasi Kebangsaan dan ramai tidak menyedari vaksin ini disarankan diambil setiap tahun, terutama golongan berisiko tinggi.

Rentetan itu, kebanyakan ibu bapa tidak mendapatkan vaksin influenza untuk anak mereka, malah ramai guru serta staf sekolah juga tidak divaksin. Situasi ini menyukarkan kawalan penularan dalam komuniti sekolah.

Malah, influenza juga tidak digolongkan sebagai penyakit wajib dilaporkan, menjadikan pengumpulan data lengkap dan masa sebenar alami kesukaran, menyukarkan pemantauan trend sebenar jangkitan dan respon pantas.

Tindakan responsif daripada pihak berkuasa kesihatan amat penting dalam mengawal penularan influenza. KKM mengeluarkan garis panduan kepada semua Pejabat Kesihatan Daerah untuk mempertingkatkan pengawasan ILI dan jangkitan pernafasan teruk (SARI), menjalankan siasatan lapangan dengan segera jika terdapat kluster mencurigakan serta memastikan pengasingan individu bergejala.

Di samping itu, kempen kesedaran awam turut dipertingkatkan melalui media sosial, televisyen dan radio dengan penekanan kepada langkah pencegahan seperti menutup mulut ketika batuk, kerap mencuci tangan, memakai penutup muka di tempat awam serta mengelakkan tempat sesak jika tidak sihat.

Perlu proaktif dapat vaksinasi tahunan

Dalam hal ini, masyarakat perlu lebih proaktif mendapatkan vaksinasi tahunan, mematuhi amalan kebersihan diri dan bertindak secara bertanggungjawab apabila mengalami gejala.

Walaupun peningkatan kes influenza membimbangkan, situasi secara keseluruhan masih dianggap terkawal. Tiada mutasi virus baharu dikesan dan virus dominan adalah virus Influenza A sub jenis H3N2, strain lazim dan disasarkan dalam vaksin musiman tahun ini.

Namun, pihak berkuasa memberi amaran peningkatan kes boleh terus berlaku jika masyarakat tidak bekerjasama dan mengambil langkah pencegahan sewajarnya.

Situasi ini memerlukan kerjasama menyeluruh antara masyarakat, institusi pendidikan, sektor kesihatan dan media dalam mengekang penyebaran penyakit.

Berkaitan kluster sekolah, semua sekolah sebaiknya menyediakan pelan kecemasan kesihatan termasuk penetapan prosedur pemantauan simptom, penyediaan bilik pengasingan serta sistem pelaporan kepada Pejabat Kesihatan Daerah.

Sekolah turut disaran menyediakan ruang pengudaraan baik, menjalankan sesi kawalan secara berjadi dan menyediakan penutup muka untuk pelajar atau guru yang memerlukannya.

Walaupun menurut KKM tidak ada mutasi baharu virus influenza kerana strain dominan adalah influenza A, bermakna wabak ini adalah sebahagian daripada corak tahunan biasa iaitu bukan varian baru agresif, tetapi menuntut langkah pencegahan segera bagi mengekang terjadinya wabak.

Justeru, langkah pencegahan konsisten dan berterusan adalah kunci utama mengurangkan beban influenza serta melindungi kumpulan rentan.

Sekiranya langkah pencegahan tidak dilaksanakan dengan konsisten, negara mungkin berdepan dengan gelombang jangkitan berterusan memberi kesan kepada sektor pendidikan, kesihatan dan ekonomi keluarga.



lokal

Suara Anda, Kami Dengar

SUSULAN PREMIS MAKANAN KOTOR DI PULAU PINANG

27 premis diberi notis penutupan

Georgetown: Pelbagai usaha turut dilakukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Georgetown bagi memastikan negeri ini kekal dengan jolokannya sebagai 'syurga makanan' dalam kalangan pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Usaha itu dilakukan sejak sekian lama dan diakui bukan mudah bagi memberi kesedaran kepada pemilik premis, pengendali makanan dan orang awam bagi menjaga kebersihan serta kualiti makanan.

Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Tan Soo Siang berkata, sebanyak 27 premis makanan diberikan notis penutupan menerusi operasi kebersihan yang dijalankan sepanjang Januari hingga Ogos tahun ini.

Katanya, operasi kebersihan berkenaan dijalankan di sekitar daerah Timur Laut dan Barat Daya negeri ini.

"Sepanjang Ogos sahaja, sebanyak tujuh premis makanan diberi notis penutupan berikutan faktor kebersihan yang berada pada tahap tidak memuaskan.

"Bagi aspek kebersihan premis dan tandas, pemeriksaan dijalankan setiap hari," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Tan berkata, kriteria pemeriksaan premis masakan juga merangkumi semakan di tempat atau dapur masak, ruang penyediaan, pekerja atau pengendali makanan.

"Sekiranya markah pengredan kurang daripada 50 peratus, MBPP menerusi pegawainya, diberi kuasa menutup premis selama tempoh 14 hari"

Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Tan Soo Siang

Selain kebersihan tandas, Tan berkata, semakan turut dibuat ke atas perangkap minyak.

"Merujuk kepada Undang-undang Kecil (UUK) Establisymen Makanan MPPP 1991, Seksyen 38(1), penutupan premis boleh berlaku sekiranya terdapat penemuan vermin membiak seperti urungan najis tikus dan haiwan berbahaya yang boleh menyebabkan pencemaran makanan.

"Selain itu, sekiranya markah pengredan kurang daripada 50 peratus, MBPP menerusi pegawainya, diberi kuasa menutup premis selama tempoh 14 hari," katanya.

Menurutnya, bagi pembukaan semula premis selepas tempoh penutupan itu, pemilik diminta memastikan tahap kebersihan berada pada tahap baik.

Katanya, syarikat kawalan serangga perlu dilantik bagi menjalankan kerja pembersihan premis untuk memastikan sekitar kawasan bebas daripada pembiakan vermin.

"Menerusi pemeriksaan secara berkala dan sosial media juga, PBT turut selitkan kesedaran mengenai tahap kebersihan premis establisymen makanan.

"Orang ramai juga boleh salurkan maklumat menerusi platform aduan di web rasmi MBPP," katanya.

Sebagai negeri yang terkenal dengan jolokan syurga makanan, Tan berkata, pemeriksaan yang kerap dan berkala akan dilakukan MBPP ke atas establisymen makanan bagi mencapai tahap yang memuaskan kepada pelancong dan pelanggan.

"Ia bagi mengelak berlaku keracunan dan perbuatan yang tidak menyenangkan.

"MBPP menerusi kempen kesedaran akan pastikan tahap kebersihan premis bagi aktiviti *establishment* makanan bersih dan tidak mendatangkan kacau ganggu," katanya.

Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel ke Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my

FPMPAM urges govt to revisit fee cap

THE government's decision to raise the upper consultation fee cap for private general practitioners (GP) to RM80 while maintaining the outdated lower cap of RM10 is concerning and raises questions about its potential impact on the sustainability of private primary care services in Malaysia.

For over three decades, private GPs have operated under an outdated Schedule 7 fee structure that does not reflect rising inflation, regulatory compliance costs, staff wages or medical indemnity premiums. The newly revised range also remains below the rates in Schedule 13, which has had a ceiling of RM125 since December 2013.

This decision – made despite repeated representations to the Health Ministry, Parliamentary Select Committees and even direct memoranda to the prime minister – shows that economic modelling has overtaken practical healthcare realities.

